

09 AUG 2000

Musa-Sekolah

MUSA PERJELAS KONSEP SEKOLAH WAWASAN MINGGU HADAPAN

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad hari ini berkata beliau akan berjumpa dengan pihak yang meragui pelaksanaan sekolah wawasan bagi menjelaskan perkara itu kepada mereka, minggu depan.

"Saya akan berjumpa dengan mereka yang masih ragu tentang peranan sekolah wawasan itu.

"Dan saya harap dapat berjumpa dengan mereka minggu hadapan," katanya kepada pemberita selepas melawat Menara Berkembar Petronas di sini bersama-sama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan anggota kabinet lain.

Beberapa pihak seperti pergerakan pendidikan Cina 'Dong Jiao Zhong' sebelum ini menyuarakan hasrat untuk berjumpa Musa bagi menyelesaikan kekeliruan berhubung konsep sekolah wawasan.

Beliau juga ditanya tentang jaminan hitam putih yang dilaporkan diminta MCA bahawa pelaksanaan sekolah wawasan tidak akan menjejaskan identiti sekolah aliran Cina.

Musa berkata persoalannya ialah mereka yang terlibat harus mempunyai kepercayaan penuh terhadap konsep itu dan bekerjasama bagi menjayakannya.

"Dengan cara ini, tidak perlulah diadakan perjanjian ke, black and white ke, perkara macam itu tak perlu bagi saya," katanya.

Semua 14 parti komponen Barisan Nasional bersetuju pada 25 Julai lepas untuk menyokong penubuhan sekolah wawasan dalam usaha memperkukuhkan hubungan rakyat berbilang kaum di negara ini.

Di bawah konsep itu, tiga buah sekolah berlainan aliran akan ditempatkan dalam satu kawasan dan menggunakan kemudahan asas seperti padang permainan, dewan perhimpunan dan kantin yang sama.

Musa berkata konsep sedemikian sebenarnya sudah diamalkan di beberapa sekolah di Pahang dan Johor cuma ia tidak dikenali sebagai sekolah wawasan.

Musa berkata konsep itu akan dimulakan dengan pembinaan tujuh sekolah baru di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

"Kita lihat kejayaannya dulu dan selepas itu kita boleh merancang untuk memperluaskannya," katanya.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik pula berkata semua pihak tidak perlu bimbang dengan pelaksanaan sekolah wawasan yang hendak diwujudkan di seluruh negara.

"Mereka tidak perlu bimbang kerana Kementerian Pendidikan akan mengeluarkan garis panduan mengenai pelaksanaan sekolah berkenaan," katanya kepada pemberita di pejabatnya, di sini.

Beliau berkata demikian bila ditanya mengenai perkembangan cadangan pelaksanaan sekolah wawasan itu.

Katanya, sekolah jenis kebangsaan Cina baru akan menjadi sekolah wawasan secara automatik tetapi bagi sekolah jenis kebangsaan Cina yang sedia ada mereka boleh membuat pilihan.

Bagaimanapun, katanya, ciri-ciri yang terdapat pada sekolah jenis kebangsaan terbabit akan terus dikekalkan daripada segi pembelajaran dan pentadbiran.

"Pelajar hanya diintegrasikan menerusi aktiviti ko-kurikulum dan mereka hanya berkongsi kemudahan yang ada di kawasan sekolah itu," katanya.

Ditanya adakah pelaksanaan sekolah wawasan itu telah dipolitikkan, Dr Ling yang juga Presiden MCA berkata masalah itu tidak membabitkan MCA.

"MCA tidak mempolitikkan perkara itu tetapi mungkin ini dilakukan oleh pembangkang," katanya.

-- BERNAMA

MAM ARA AHH LAT